

23 OCT 2000

MAHATHIR-BAKUN

EMPANGAN ELEKTRIK HIDRO BAKUN AKAN DIPULIH SEMULA, KATA DR MAHATHIR

BANTING, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan projek Empangan Elektrik Hidro Bakun di Belaga, Sarawak, akan dipulihkan semula.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan belum memutuskan sama ada projek itu akan dipulihkan sepenuhnya.

Dr Mahathir menambah peruntukan yang besar telah dibelanjakan bagi pelbagai keperluan projek itu dan tidak wajar jika "ianya dibazirkan begitu sahaja."

"Permintaan bagi bekalan tenaga elektrik semakin meningkat di negara ini," katanya di sidang akhbar selepas majlis perasmian kilang besi keluli jalur panas Megasteel Sdn Bhd bernilai RM2.5 bilion, di sini, hari ini.

Projek empangan elektrik hidro Bakun ditangguhkan ketika kegawatan ekonomi dan diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadan daripada Bakun Hydroelectric Corporation Bhd pada Ogos tahun lalu.

Apabila ditanya sama ada belanjawan akan datang bakal menawarkan langkah-langkah untuk membantu syarikat-syarikat besar yang sedang menghadapi masalah, Dr M berkata, "Kami akan melihat semuanya tetapi kami mahu mengkaji setiap kes itu sendiri."

Beliau juga menegaskan ia bukan satu langkah yang boleh dianggap sebagai kronisme atau usaha menyelamatkan syarikat-syarikat.

"Ianya dilakukan untuk memastikan pekerja-pekerja di negara ini tidak terjejas akibat daripada tindakan pihak-pihak yang menurunkan nilai matawang kita," tambahnya.

Apabila ditanya sama ada tarif import bagi produk keluli akan dihapuskan sebaik sahaja Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dilaksanakan pada 2003, Dr Mahathir berkata Malaysia komited untuk menurunkan tarif antara sifar dan lima peratus tetapi tidak akan menghapuskannya sama sekali.

Kerajaan perlu mengkaji kesan mengurangkan tarif daripada "pihak yang melambakkan besi keluli mereka di negara ini".

Beliau berkata beberapa negara, yang menghasilkan lebihan keluli mempunyai kecenderungan untuk melambakkan produk mereka di negara ini.

Bagaimanapun, tindakan tidak boleh diambil ke atas mereka, tidak seperti negara-negara besar.

"Negara-negara kecil tidak mempunyai pengaruh," tambahnya.

Sementara itu, Tan Sri William Cheng, pengerusi Lion Group, pemilik Megasteel, tidak begitu bimbang dengan cadangan pelaksanaan AFTA itu.

Beliau berkata kilang besi keluli jalur panas Megasteel yang bernilai RM2.5 bilion di Banting adalah antara pengeluar kos terendah di kalangan negara-negara Asean.

-- BERNAMA

MAD DVS ZK MA